

TERMA DAN SYARAT CALL-FOR-CASH PLUS

1. Hong Leong Call-For-Cash Plus (“CFC+”) dari Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) hanya terbuka kepada Pemegang Kad Kredit principal (“Pemegang Kad”) yang terpilih untuk permohonan bermula dari 10 November 2014 dan hanya menerusi Saluran Telepemasaran.
2. Hanya Pemegang Kad dengan kedudukan akaun terkini tanpa tunggakan dan mempunyai rekod yang baik boleh memohon CFC+. Pemegang Kad dengan permohonan CFC+ yang diluluskan akan mampu mengeluarkan dan menerima wang tunai dari had kredit sedia ada untuk Kad Kredit Pemegang Kad.
3. CFC+ membolehkan Pemegang Kad untuk mengeluarkan wang tunai sehingga 90% daripada had kredit sedia ada Pemegang Kad (tertakluk kepada kelulusan dari HLB) dengan cara-cara berikut:-
 - (i) Pemindahan dalaman ke Akaun Simpanan atau Akaun Semasa Persendirian Pemegang Kad di atas nama Pemegang Kad (“CASA”) yang diselenggarakan oleh HLB; atau
 - (ii) Pemindahan GIRO Antara Bank (“IBG”) ke CASA Pemegang Kad yang diselenggarakan oleh bank berlesen yang lain di Malaysia atas pilihan Pemegang Kad.
4. Amaun minimum bagi CFC+ adalah RM1,500.00 tertakluk kepada budi bicara HLB dan boleh diubah oleh HLB dari semasa ke semasa (“Amaun CFC+”) dan untuk ini, HLB layak dan akan mengenakan faedah ke atas Amaun CFC+ (“Faedah CFC+”).
5. Pemegang Kad tidak akan menerima mata ganjaran untuk CFC+.
6. Pemegang Kad dianggap telah bersetuju dan menerima kesemua terma dan syarat yang terkandung di sini setelah permohonan CFC+ diserahkan kepada HLB.
7. Pemegang Kad perlu menentukan Amaun CFC+ yang ingin dikeluarkan dan memberikan maklumat yang tepat untuk CASA yang dipilih bagi tujuan pemindahan Amaun CFC+.
8. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memberikan nombor CASA Pemegang Kad yang benar dan betul kepada HLB bagi tujuan pemindahan Amaun CFC+ yang diluluskan. HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemindahan telah dibuat ke CASA yang tidak tepat atau salah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad.
9. Setelah permohonan CFC+ Pemegang Kad diluluskan oleh HLB dan pemindahan Amaun CFC+ dibuat ke CASA yang dipilih oleh Pemegang Kad menerusi cara seperti yang tertera di Fasal 3 yang di atas,
 - (i) Had Kredit Pemegang Kad yang sedia ada akan berkurangan untuk sementara waktu mengikut peruntukan bagi sejumlah amaun yang bersamaan dengan Amaun penuh CFC+, di mana ianya tidak boleh digunakan oleh Pemegang Kad dan ia akan dikembalikan secara beransuran setiap bulan apabila Pemegang Kad membuat pembayaran untuk setiap Ansuran Bulanan CFC+ (seperti yang ditakrifkan selepas ini) beliau; dan
 - (ii) HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad bagi sebarang transaksi yang ditolak oleh peniaga atas punca ketiadaan had kredit yang telah didebitkan dari Kad Kredit Pemegang Kad.
10. Pemprosesan dan pertimbangan bagi permohonan Pemegang Kad untuk CFC+ akan tertakluk kepada:-
 - (i) kedudukan akaun terkini Kad Kredit Pemegang Kad;
 - (ii) jumlah had kredit Pemegang Kad yang sedia ada pada masa permohonan; dan
 - (iii) budi bicara HLB.
11. Fi pengendalian sebanyak RM12.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) untuk setiap permohonan CFC+ atau amaun seumpamanya akan ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara HLB dan akan dicaj ke Akaun Kad Kredit Pemegang Kad.
12. Semasa permohonan, Pemegang Kad perlu memilih satu tempoh untuk pembayaran Amaun CFC+ bersama-sama dengan Faedah CFC+ (seperti yang ditakrifkan selepas ini);
 - (i) Tempoh untuk pembayaran Amaun CFC+ bersama-sama dengan Faedah CFC+ adalah 12, 18, 24, 36, 48 atau 60 bulan (“Tempoh Ansuran CFC+”). Tempoh Ansuran CFC+ adalah seperti dinyatakan oleh HLB dan mengikut pilihan Pemegang Kad.
 - (ii) Semasa Tempoh Ansuran CFC+, Amaun CFC+ bersama-sama dengan Faedah CFC+ akan dibayar mengikut ansuran bulanan yang sama rata (“Ansuran Bulanan CFC+”).
 - (iii) Tempoh Ansuran CFC+ atau Ansuran Bulanan CFC+ tidak boleh diubah.
 - (iv) Faedah CFC+ akan ditentukan oleh Amaun CFC+ yang telah diluluskan oleh HLB atas budi bicaranya dan akan mengikut seperti yang dinyatakan dalam jadual dibawah:

Kadar Faedah CFC+	Kadar Faedah Berkuatkuasa ("EIR") CFC+ (bergantung kepada Tempoh Ansuran CFC+)
3.50% setahun	Dari 6.40% setahun hingga 6.60% setahun
3.38% setahun	Dari 6.18% setahun hingga 6.38% setahun
3.60% setahun	Dari 6.58% setahun hingga 6.78% setahun
3.48% setahun	Dari 6.36% setahun hingga 6.56% setahun
3.70% setahun	Dari 6.76% setahun hingga 6.97% setahun
3.58% setahun	Dari 6.54% setahun hingga 6.75% setahun

13. Jumlah Faedah CFC+ akan dikira terlebih dahulu berdasarkan Amaun CFC+ yang telah diluluskan, Kadar Faedah CFC+ dan Tempoh Ansuran CFC+ yang telah dipilih oleh Pemegang Kad dan adalah digambarkan seperti berikut:

Jumlah Faedah CFC+

= Amaun CFC+ yang diluluskan X Kadar Faedah CFC+ X Tempoh Ansuran CFC+ (dalam tahun)

14. Ansuran Bulanan CFC+ dikira berdasarkan Jumlah Faedah CFC+ bersama Amaun CFC+ yang diluluskan dan dibahagi dengan Tempoh Ansuran CFC+ dan akan dibilkan kepada Akaun Kad Kredit Pemegang Kad pada setiap bulan sehingga Tempoh Ansuran CFC+ selesai dan adalah digambarkan seperti berikut:

Ansuran Bulanan CFC+

= (Amaun CFC+ yang diluluskan + Jumlah Faedah CFC+) ÷ Tempoh Ansuran CFC+ (dalam bulan)

15. Jumlah Amaun CFC+ dan Jumlah Faedah CFC+ akan dibilkan kepada Pemegang Kad pada tarikh penyata yang akan datang berikutan kelulusan HLB bagi permohonan Pemegang Kad.
16. Pemegang Kad boleh memohon lebih daripada satu (1) CFC+, tertakluk kepada had kredit yang sedia ada. Kadar Faedah CFC+ untuk setiap kelulusan akan ditentukan oleh Amaun CFC+ mengikut Fasal 12.
17. Segala baki-baki CFC+ yang belum dijelaskan akan dibilkan kepada kad kredit dan caj pembayaran lewat dan caj-caj kewangan yang berkenaan akan dikenakan sekiranya:-
- Pemegang Kad memungkir mana-mana kewajipannya yang dinyatakan di sini atau di bawah Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong ("Perjanjian Pemegang Kad HLB");
 - Pemegang Kad gagal membayar Ansuran Bulanan CFC+ atau sebarang jumlah yang tertunggak dan perlu dibayar kepada HLB selama enam puluh (60) hari dari tarikh perlu bayar; dan/atau
 - CFC+ dibatalkan atau ditamatkan.

Pemegang Kad dikehendaki menyelesaikan segala baki-baki CFC+ yang belum dijelaskan termasuk fi dan caj kewangan tambahan yang dikenakan.

18. Seandainya Pemegang Kad lambat, gagal atau membuat sebahagian pembayaran Ansuran Bulanan CFC+, terma Perjanjian Pemegang Kad HLB akan diguna pakai dan Ansuran Bulanan CFC+ itu akan dianggap seolah-olah adalah caj daripada satu urusan niaga tunai dan Faedah Tunai sebanyak 18% setahun akan dikenakan ke atasnya kecuali CFC+ itu dipohon menggunakan Kad Hong Leong Platinum Business di mana, Ansuran Bulanan CFC+ itu akan dianggap seolah-olah adalah caj daripada satu urusan runcit dan caj kewangan umum berdasarkan Struktur Harga Bertingkat akan dikenakan.
19. Sekiranya Pemegang Kad memungkir mana-mana kewajipannya yang dinyatakan di sini, terma dan syarat di dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB akan diguna pakai.
20. HLB berhak pada bila-bila masa dengan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar untuk menambah, meminda, memperbaiki, menukar atau mengubah terma dan syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian. HLB atas budi bicaranya boleh menghantar surat terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau memaparkan notis di ruang perbankan HLB atau laman web HLB di www.hlb.com.my atau apa jua cara yang dianggap praktikal bagi HLB untuk memberikan notis awal kepada Pemegang Kad untuk sebarang penambahan, penukaran, pengubahsuaian, pindaan atau perubahan terma dan syarat ini.

21. Pemegang Kad perlu memberi notis bertulis satu (1) bulan kepada HLB sekiranya ingin membuat penyelesaian awal ke atas baki-baki CFC+ yang belum dibayar. Pemegang Kad dikehendaki untuk membuat pembayaran Ansuran Bulanan CFC+ sehingga baki prinsipal yang belum dibil telah dibilkan ke dalam penyata bulanan kad kredit Pemegang Kad yang seterusnya
22. Sekiranya Pemegang Kad menyelesaikan Amaun CFC+ sepenuhnya sebelum tamat Tempoh Ansuran CFC+, caj penalti penyelesaian awal sebanyak RM25.00 akan dikenakan ke atas Akaun Kad Kredit Pemegang Kad.
23. Segala borang permohonan dalam bentuk salinan faks atau imbasan yang diserahkan kepada HLB akan dianggap sebagai salinan asal untuk tujuan pemprosesan. Maklumat yang terkandung di dalam salinan borang permohonan yang difaks atau diimbis tersebut akan dianggap sebagai benar dan tepat dan segala transaksi yang berkaitan dengan permohonan ini adalah sah dan mengikat ke atas Pemegang Kad. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju untuk memulangkan borang asal yang telah dilengkapkan dan dilaksanakan kepada HLB dengan segera.
24. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas dan menafikan semua liabiliti terhadap mana-mana tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pemegang Kad, sama ada disebabkan oleh atau yang berlaku secara langsung atau tidak langsung kerana penyertaan beliau dalam CFC+ ini.
25. Disamping terma dan syarat seperti yang dinyatakan diatas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat umum dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat di sini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat yang tertera di sini dan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka terma dan syarat khusus di sini akan digunapakai setakat berkaitan dengan CFC+.
26. Terma dan syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.